

# ‘Saya seronok kerja sini’

Abdul Aziz sentiasa komited, bangga bertugas di syarikat ayah dan datuknya pernah berkhidmat



Bantuan kepada seorang pengguna asnaf di Kampung Kelanang antara bantuan atas inisiatif dan tanggungjawab sosial korporat TNB.

**B**agi seorang anak, peluang bekerja di syarikat sama yang pernah menuangi datuk dan ayahnya pasti suatu pengalaman manis kerana di situ ada nilai sentimental secara peribadi.

Pengalaman inilah yang dirasai Abdul Aziz Ahmad apabila turut bertugas di Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu syarikat yang pernah datuk dan ayahnya berkhidmat.

Memang jawatan sebagai pembantu tadbir kanan di TNB ia adalah kerjaya yang dianggapnya sebagai satu kebanggaan peribadi.

Abdul Aziz berkata, beliau memilih kerjaya di syarikat berkenaan kerana dorongan datuk dan ayahnya.

“Mereka galakkan saya kerja dengan TNB yang dulu dikenali dengan nama Lembaga Letrik Malaysia (LLM). Menurut mereka, bekerja dengan LLM lebih terjamin sebab syarikat besar dan kukuh.

“Apa yang mereka sarankan itu betul. Lebih manis apabila datuk dan ayah saya juga dulunya kerja dengan LLM sebelum penjenamaan semula sebagai TNB. Saya bangga dan gembira menjadi salah seorang kakitangan TNB,” katanya.

Tambahnya, di syarikat ini dirinya turut menggalas tugas sebagai pegawai perhubungan awam yang dijawat menerusi lantikan secara wawatih oleh Ketua Pegawai Eksekutif TNB.

“Saya telah bertugas di sini 39 tahun. Pelbagai pengalaman berharga dapat saya timba. Pelbagai skop tugasan telah saya laksanakan. Lebih mahal, skop tugas yang dilaksanakan itu telah bantu saya tambah baik hubungan di antara kerabat diraja, kerajaan perseketuan dan negeri, jabatan kerajaan daerah, pemimpin

masyarakat dan pelanggan TNB.

“Selain itu, saya juga memantau maklum balas pelanggan.

Apabila melibatkan program keraian di peringkat daerah-daerah dalam Negeri Selangor, ia adalah cabaran lain pula. Namun, ia dapat memberikan kredibiliti dalam memperkasakan syarikat ini menjadi bertaraf dunia.

“Sebagai pulangan, saya dapat penghargaan atas usaha itu di samping dapat memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada masyarakat setempat.

“Saya puas hati jika dapat selesaikan sesuatu permasalahan pengguna dan dapat kepercayaan daripada kedua-dua pihak, iaitu majikan dan pengguna,” katanya.

Berkongsi kenangan manis Abdul Aziz berkata, dia teringat seorang pelanggan bernama Siti Rafeah Majid bersama lima lagi



Abdul Aziz bersama ahli keluarga yang sentiasa beri dorongan.

## PROFIL

Nama : Abdul Aziz Ahmad  
Umur : 59 tahun  
Jawatan : Pembantu Tadbir Kanan  
Tugas : Pegawai Perhubungan Awam (lantikan secara wawatih oleh CEO TNB)  
Unit : Business Development and Customer Care-Zon Selangor, Bahagian Pembahagian, TNB  
Status : Berkahwin  
Nama isteri : Raja Shaidatul Naziah Raja Anuar  
Anak :  
1. Puteri Intan Rafeah  
2. Puteri Intan Baizura  
3. Megat Muhammad Lutfi



penduduk di Kampung Batu 34 Jalan Banting Dengkil pada tahun 2010.

“Mereka dah tunggu selamat 10 tahun untuk dapatkan bekalan elektrik yang akhirnya tercapai. Saya gembira apabila permasalahan pelanggan dapat diselesaikan.

“Satu lagi kes pada tahun 2015, di mana TNB Banting dapat mengesan seorang

pengguna asnaf, Kedah Hassan di Kampung Kelanang. Atas inisiatif dan tanggungjawab sosial korporat, TNB Banting telah bina rumah bernilai RM50,000 lengkap peralatan perabot bagi mengantikan rumahnya yang usang menerusi Projek Baiti Jannati Peringkat Negeri Selangor. Katanya sambil memberitahu, setiap tugas dilaksanakan penuh komited dan positif.

## Jaga hubungan masyarakat



Abdul Aziz (kiri) turut turun padang berjumpa dengan penduduk.

JIKA ada permasalahan dilaporkan, Abdul Aziz akan berhubung dengan pemimpin setempat bagi mengenal pasti punca dan menyularkan perkara tersebut kepada pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

“Saya sering menghadiri majlis dan aktiviti di kawasan saya. Tak kira peringkat pengajuran sama ada peringkat persekutuan, negeri dan setempat.

“Saya akan ambil peluang bertemu wakil-wakil masyarakat dan bertukar-tukar pendapat selain menyularkan maklumat berkaitan,” katanya.

Jelasnya, memandangkan semua pihak mahukan perkhidmatan terbaik dan terpenting jadi sebagai kakitangan TNB beliau juga mahu memberikan yang terbaik kepada pengguna.

“Pelanggan layak diberi perkhidmatan setimpal dengan wang yang mereka bayar untuk dapatkan perkhidmatan. Secara langsung dapat meningkatkan reputasi TNB. Saya juga ambil kira pandangan-pandangan masyarakat dan idea mereka untuk dimajukan jika saya fikirkan ia menguntungkan pihak syarikat dan pelanggan,” katanya.